



لمباى تابوڠ امانه ملاك

LEMBAGA TABUNG AMANAH MELAKA

Aras 2, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA



Tel (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-233 0108

Ruj. Kami : JKPNMPELB.400-3/2/11 (23)

Tarikh : 11 Oktober 2022

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Datuk Wira/Tuan/Puan,

POLISI PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT BERSEKUTU KEPADA LEMBAGA TABUNG AMANAH MELAKA (LTAM)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Lembaga Tabung Amanah Melaka Bil. 1/2022 bertarikh 19 April 2022 telah mempertimbangkan seterusnya memutuskan penetapan polisi berdasarkan ketetapan berikut:

- a) LTAM selaku pemegang saham Melaka ICT Holdings Sdn Bhd (MICTH), Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB), Putra Specialist Hospital Melaka Sdn Bhd (PSHMSB) dan Melaka Finance House Berhad (MFHB) menetapkan polisi pemberian dividen tahunan anak syarikat / syarikat bersekutu milik LTAM berkuatkuasa mulai tahun kewangan 2022.
- b) Kadar dividen tahunan adalah sekurang-kurangnya 50% daripada keuntungan bersih tahun semasa selepas cukai syarikat. Formula pengiraan kadar dividen tahunan minimum adalah seperti berikut:

$$= \text{Keuntungan Bersih Selepas Cukai} \times 50\% \times \text{Peratus Pegangan Saham}$$

- c) Penetapan kaedah dan polisi pemberian dividen yang seragam dibuat di peringkat awal pelaksanaan bagi keempat-empat anak syarikat sedia ada LTAM. Polisi dan kaedah tersebut akan dikaji semula dari semasa ke semasa berdasarkan justifikasi penetapan kadar secara pukol rata agak tidak sesuai dilaksanakan memandangkan 2 daripada anak syarikat LTAM merupakan syarikat kerajaan yang diberikan hak eksklusif iaitu MICTH dan SAMB yang sewajarnya memberikan pulangan kepada Kerajaan Negeri secara terus sebagai balasan hak eksklusif yang diberikan.

Ruj. Kami : JKPNMPELB.400-3/2/11(23)

Tarikh : 11 Oktober 2022

**POLISI PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT BERSEKUTU
KEPADA LEMBAGA TABUNG AMANAH MELAKA (LTAM)**

3. Bersama-sama ini dikemukakan edaran dokumen polisi yang telah dimuktamadkan seperti di **Lampiran B** untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Datuk Wira/tuan/puan. Surat ini juga boleh dimuat turun di laman web rasmi JKPNM <https://jkpnm.melaka.gov.my/> di ruangan Dasar Kerajaan > Agensi, Badan Berkanun Negeri dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri.

4. Sehubungan itu, sebarang pertanyaan berhubung perkara ini pihak YBhg. Datuk Wira/tuan/puan boleh menghubungi Encik Nazri bin Saring atau Puan Roselina binti Mat Isa di talian 06-2307537 atau 06-2307249. Kerjasama dan tindakan dari pihak YBhg. Datuk Wira/tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SABRINA BINTI THALAS)

Setiausaha

Lembaga Tabung Amanah Melaka

**POLISI PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT BERSEKUTU
KEPADA LEMBAGA TABUNG AMANAH MELAKA (LTAM)**

LAMPIRAN A

SENARAI EDARAN

1. Ketua Pegawai Eksekutif
Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn Bhd
169, Jalan Bendahara
75100 **MELAKA**

2. Ketua Pegawai Eksekutif
Syarikat Air Melaka Berhad
Lot 897, G,1,5-9
Wisma Air, Jalan Hang Tuah
75300 **MELAKA**

3. Ketua Pegawai Eksekutif
Melaka ICT Holding Sdn Bhd
Suite 3.1, Bangunan K-Ekonomi Inkubator
Business City Street MITC City
75450 Ayer Keroh
MELAKA

4. Pengurus Besar
Melaka Finance House Berhad
Jalan Penghulu Abas
75150 Bukit Baru
MELAKA

**DASAR PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH ANAK-ANAK SYARIKAT
LEMBAGA TABUNG AMANAH MELAKA**

NO. PINDAAN/TAHUN : 1/2022

TARIKH KEMASKINI : 8 OGOS 2022

**DASAR PEMBAYARAN DIVIDEN OLEH ANAK-ANAK SYARIKAT
LEMBAGA TABUNG AMANAH MELAKA**

KANDUNGAN

1. PENGENALAN	3
2. PUNCA KUASA	4
3. TUJUAN	5
4. DASAR PEMBAYARAN DIVIDEN	5
5. PENETAPAN FORMULA PENGIRAAN KADAR DIVIDEN TAHUNAN	6
6. DASAR PEMBAYARAN BONUS DAN DIVIDEN SECARA SERENTAK	7
7. GARIS PANDUAN DALAM MELAKSANAKAN DASAR BAYARAN DIVIDEN	7
8. GARIS PANDUAN TADBIR URUS ANAK SYARIKAT	8
9. PEMAKAIAN DAN KUATKUASA	10

1. PENGENALAN

- 1.1 Asas penubuhan Tabung Amanah Melaka melalui Enakmen Tabung Amanah Melaka Tahun 1994 adalah bertujuan untuk membuat pelaburan yang diuruskan oleh Lembaga Tabung Amanah Melaka (LTAM). Pulangan pelaburan tersebut seterusnya disalurkan semula sebagai sumbangan kepada Kerajaan Negeri.
- 1.2 Salah satu jenis pelaburan sedia ada dana Tabung Amanah Melaka (TAM) adalah melalui **saham tidak tersiar harga** iaitu pemilikan saham anak syarikat. Kerajaan Negeri juga turut mensasarkan pulangan selain pemilikan kawalan ke atas bidang strategik seperti pembekalan air bersih, kesihatan awam dan hak eksklusif sebagai penyedia laluan asas telekomunikasi.
- 1.3 Dua (2) daripada empat (4) anak syarikat sedia ada LTAM merupakan syarikat kerajaan yang diberikan hak eksklusif iaitu Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd. (MICTH) dan Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB). Kedua-dua syarikat ini sewajarnya memberikan pulangan kepada Kerajaan Negeri secara terus sebagai balasan hak eksklusif yang diberikan selain tanggungjawab pembayaran dividen kepada agensi induk.
- 1.4 Pulangan pelaburan atau pendapatan yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri oleh anak syarikat LTAM pada ketika ini adalah dalam bentuk:
 - a) Royalti bekalan air mentah;
 - b) Arahan sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah (KWA) Pelancongan Negeri Melaka, KWA Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka, KWA Tabung Amanah Kebajikan Negeri Melaka, KWA Tabung Amanah Dakwah Negeri Melaka, KWA Pemuliharaan dan Pemugaran Negeri Melaka;
 - c) Arahan sumbangan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dari semasa

ke semasa berdasarkan keperluan khas;

- d) Dasar Sumbangan 2% daripada pendapatan kasar tahunan kepada Kerajaan Negeri;
- e) Dasar Sumbangan 10% daripada nilai balasan projek usaha sama swasta; dan
- f) Bayaran dividen kepada LTAM

1.5 Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang mengkaji pulangan kepada Kerajaan Negeri secara terus sebagai balasan hak eksklusif yang diberikan kepada anak syarikat terlibat.

2. PUNCA KUASA

2.1 Subpenggal 6 **Akta Syarikat 2016 (Akta 777)** telah menggariskan ketetapan berhubung Dividen melalui Seksyen 131 sehingga 133 seperti pecahan berikut:

- a) Seksyen 131 berhubung pengagihan daripada keuntungan;
- b) Seksyen 132 berhubung pengagihan jika syarikat solven; dan
- c) Seksyen 133 berhubung mendapat balik pengagihan

2.2 Mesyuarat Lembaga Tabung Amanah Melaka (MLTAM) Bil. 5 Tahun 2021 pada 30 Disember 2021 telah meminta supaya pengurusan LTAM mengkaji seterusnya mencadangkan satu polisi berhubung penetapan pembayaran dividen oleh anak-anak syarikat kepada LTAM. MLTAM Bilangan 1 Tahun 2022 yang bersidang pada 19 April 2022 seterusnya telah bersetuju menetapkan dasar bayaran dividen oleh Anak-Anak Syarikat LTAM seperti perenggan 4.

3. TUJUAN

3.1 Penetapan bayaran dividen kepada Kerajaan Negeri melalui agensi induk iaitu LTAM bertujuan bagi mencapai maksud berikut:

- a) Memastikan pulangan pelaburan dana Tabung Amanah Melaka (TAM) yang merupakan Kumpulan Wang Amanah (KWA) Disatukan Kerajaan Negeri melalui pegangan saham anak syarikat milik Kerajaan Negeri selaras objektif penubuhan TAM;
- b) Memastikan anak syarikat berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan keuntungan semasa dan membayar dividen kepada LTAM sebagai pemegang saham; dan
- c) Mengawal dengan lebih rapi penggunaan keuntungan yang diperolehi oleh anak syarikat.

3.2 Bayaran dividen yang diterima daripada anak syarikat LTAM akan disumbangkan keseluruhannya kepada Kerajaan Negeri sebagai hasil baharu Kerajaan Negeri selaras Bajet Hasil Tahun 2023 Kerajaan Negeri yang telah diluluskan.

4. DASAR PEMBAYARAN DIVIDEN

4.1 Mesyuarat Lembaga Tabung Amanah Melaka Bil. 1/2022 yang bersidang pada 19 April 2022 telah bersetuju dasar bayaran dividen oleh Anak-Anak Syarikat LTAM adalah seperti berikut:

- a) Dividen perlu dibayar kepada LTAM sebagai pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan syarikat;

- b) Kadar bayaran dividen sekurang-kurangnya 50% setahun ke atas keuntungan bersih selepas cukai perlu dibayar kepada LTAM sebagai pulangan modal pemegang saham. Sekiranya terdapat lebih keuntungan (*excess profit*) yang diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen boleh ditingkatkan tanpa menjejaskan kedudukan kewangan anak syarikat;
- c) Semua bayaran dividen hendaklah dibuat daripada keuntungan sahaja sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 131, Akta Syarikat 2016. Keuntungan tersebut adalah termasuk keuntungan luar biasa; dan
- d) Semua bayaran dividen hendaklah mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Artikel 98 hingga 107, Table A, Jadual 4, Akta Syarikat 1956.

5. PENETAPAN FORMULA PENGIRAAN KADAR DIVIDEN TAHUNAN

5.1 Formula pengiraan kadar dividen tahunan minimum adalah seperti berikut:

$$= \text{Keuntungan Bersih Selepas Cukai} \times 50\% \times \text{Peratus Pegangan Saham}$$

Contoh:

PSHMSB merekodkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM1 juta pada tahun kewangan 2022. Jadi, pengiraan kadar dividen minimum yang perlu dibayar kepada LTAM adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= \text{RM1,000,000.00} \times 50\% \times 86\% \\ &= \text{RM 430,000.00} \end{aligned}$$

6. DASAR PEMBAYARAN BONUS DAN DIVIDEN SECARA SERENTAK

6.1 Cadangan bayaran bonus atau insentif tahunan kepada pegawai dan kakitangan syarikat perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran dividen kepada pemegang saham untuk kelulusan Lembaga Pengarah syarikat terlibat.

7. GARIS PANDUAN DALAM MELAKSANAKAN DASAR BAYARAN DIVIDEN

7.1 Anak-Anak Syarikat hendaklah mengemukakan kepada LTAM satu perancangan korporat atau Pelan Perniagaan (*Business Plan*) bagi setiap tiga (3) tahun untuk kelulusan LTAM mengenai:

- a) unjuran keuntungan berdasarkan keuntungan selepas cukai bagi tiga (3) tahun sebelumnya;
- b) dividen anak syarikat dan syarikat di bawahnya; dan
- c) bagaimana keuntungan syarikat akan digunakan, termasuk kadar dividen yang akan dibayar kepada LTAM

7.2 Cadangan bayaran dividen kepada LTAM hendaklah dikemukakan dalam tempoh sebulan selepas penutupan akaun untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat masing-masing.

7.3 Jika anak-anak syarikat yang memperolehi keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen atas sebab-sebab yang tertentu perlu memberikan butir-butir berikut:

- a) sebab-sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar;
- b) cadangan bayaran bonus kepada kakitangan (jika ada);

- c) cadangan penggunaan keuntungan dan asas-asasnya;
- d) kerugian terkumpul dan tahun kewangan di mana kerugian terkumpul dijangka boleh dihapuskan (jika ada); dan
- e) perincian hutang kena bayar dalam masa dua belas (12) bulan selepas pengagihan dividen dibuat (jika justifikasi tidak membuat agihan dividen disebabkan isu kesolvenan syarikat).

8. GARIS PANDUAN TADBIR URUS ANAK SYARIKAT

- 8.1 Lembaga Pengarah anak syarikat hendaklah memastikan supaya semua lapisan Syarikat Subsidiari, Bersekutu dan Pelaburan (jika ada) untuk membayar dividen kepada anak syarikat agar anak syarikat pula dapat membayar dividen kepada LTAM;
- 8.2 Lembaga Pengarah anak syarikat perlu memastikan dasar-dasar dan peraturan yang terkandung di dalam Garis Panduan ini turut dipatuhi oleh semua lapisan Syarikat Subsidiari anak syarikat;
- 8.3 Anak syarikat hendaklah mengemukakan kepada induk anak syarikat satu perancangan korporat atau Pelan Perniagaan (*Business Plan*) bagi setiap tiga (3) tahun untuk kelulusan LTAM mengenai:
 - a) unjuran keuntungan berdasarkan keuntungan selepas cukai bagi tiga (3) tahun sebelumnya;
 - b) dividen anak syarikat dan syarikat di bawahnya; dan
 - c) bagaimana keuntungan syarikat akan digunakan, termasuk kadar dividen yang akan dibayar kepada induk anak syarikat;
- 8.4 Semua Kumpulan Syarikat yang mempunyai keuntungan perlu

mengemukakan cadangan bayaran dividen dan asas-asasnya di dalam tempoh tidak lebih dari satu (1) bulan selepas buku akaun tahunannya ditutup untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat masing-masing;

8.5 Sekiranya anak syarikat mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen atas sebab-sebab yang tertentu perlu memberikan butir-butir berikut:

- a) sebab-sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar;
- b) cadangan bayaran bonus kepada kakitangan (jika ada);
- c) cadangan penggunaan keuntungan dan asas-asasnya;
- d) kerugian terkumpul dan tahun kewangan di mana kerugian terkumpul dijangka boleh dihapuskan (jika ada); dan
- e) perincian hutang kena bayar dalam masa dua belas (12) bulan selepas pengagihan dividen dibuat (jika justifikasi tidak membuat agihan dividen disebabkan isu kesolvenan syarikat).

8.6 Sekiranya anak syarikat, syarikat bersekutu atau syarikat pelaburan tidak membayar dividen untuk tiga (3) tahun berturut-turut, laporan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah bagi membolehkan pertimbangan dibuat sama ada untuk melupuskan kepentingan anak syarikat dalam syarikat-syarikat tersebut atau tidak. Laporan itu hendaklah, di antara lain, mengandungi butir-butir berikut:

- a) objektif perolehan ekuiti dalam syarikat berkenaan;
- b) sebab-sebab syarikat tidak membayar dividen; dan
- c) ramalan bayaran dividen tiga (3) tahun ke hadapan.

8.7 Sekiranya anak syarikat dan syarikat di bawahnya yang dikawal oleh Kerajaan Negeri dan disenaraikan di Bursa Malaysia, Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan peraturan-peraturan yang sedia ada di Bursa Malaysia yang berkaitan dengan perkara ini.

9. PEMAKAIAN DAN KUATKUASA

9.1 Dasar ini berkuatkuasa mulai tahun kewangan 2022 anak syarikat dan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah anak syarikat terlibat untuk diterima pakai dan kelulusan.